

## Surat Pekeliling Perbendaharaan



Tarikh : 12/04/95

SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 3 TAHUN 1995

PERATURAN PEROLEHAN PERKHIDMATAN PERUNDING

Kepada:

Ketua-ketua Setiausaha Kementerian,  
Ketua-ketua Jabatan Persekutuan,  
Ketua-ketua Badan Berkanun Persekutuan,  
Y.B. Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri,  
Pihak-pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan,  
Ketua-ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Kerajaan.

KANDUNGAN

BIL PERKARA MUKA SURAT

1. PENDAHULUAN 1
2. BIDANG-BIDANG PERKHIDMATAN PERUNDING 1
3. TATCARA PERMOHONAN 1
4. PEMILIHAN DAN PERLANTIKAN PERUNDING 3
5. KELULUSAN PERBENDAHARAAN MALAYSIA 5
6. PERUBAHAN SKOP PERKHIDMATAN PERUNDING 5
7. LAPORAN PRESTASI PERUNDING 5
8. PENGECUALIAN KHAS BAGI PEROLEHAN PERKHIDMATAN PERUNDING 6
9. KELULUSAN KOS PERKHIDMATAN PERUNDING 7
10. LAPORAN KEPADA PERBENDAHARAAN MALAYSIA 8
11. PEROLEHAN PERKHIDMATAN PERUNDING UNTUK

## AGENSI KERAJAAN DI LUAR NEGERI 9

## 12. KUATKUASA DAN PEMBATALAN 9

## LAMPIRAN

(i) LAMPIRAN A - BIDANG-BIDANG PERKHIDMATAN PERUNDING

(ii) LAMPIRAN B - BORANG MAKLUMAN MENGENAI PERLANTIKAN PERUNDING

## 1. PENDAHULUAN

1.1 Surat Pekeliling ini bertujuan menerangkan peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi oleh semua agensi Kerajaan dalam perolehan perkhidmatan perunding bagi melaksanakan projek/kajian yang dibiayai daripada peruntukan Kumpulan Wang Kerajaan. Kumpulan Wang Kerajaan adalah termasuk semua sumber kewangan seperti berikut:-

1.1.1 peruntukan secara langsung dari Kerajaan untuk membiayai sepenuhnya ataupun sebahagian kos projek/kajian;

1.1.2 peruntukan yang diperolehi melalui pinjaman sama ada daripada Kerajaan atau institusi kewangan tempatan atau antarabangsa; dan

1.1.3 peruntukan yang diperolehi melalui geran dari Kerajaan asing atau institusi kewangan antarabangsa.

## 2. BIDANG-BIDANG PERKHIDMATAN PERUNDING

2.1 Bidang-bidang perkhidmatan perunding adalah seperti di Lampiran A. Bidang-bidang ini akan dikaji dari semasa ke semasa.

## 3. TATACARA PERMOHONAN

3.1 Sebelum perkhidmatan perunding diperolehi, agensi Kerajaan hendaklah memastikan:-

3.1.1 perkhidmatan perunding yang diperlukan tidak dapat dikendalikan oleh agensi berkenaan atau dikalangan agensi Kerajaan yang lain bersesuaian dengan peruntukan dibawah Arahan Perbendaharaan 182 & 187 ; dan

3.1.2 peruntukan kewangan yang mencukupi telah disediakan bagi membiayai kos perkhidmatan perunding.

3.2 Permohonan untuk perkhidmatan perunding hendaklah dikemukakan kepada Jawatankuasa Pemilihan dan Perlantikan Perunding (JPPP) yang berkenaan seperti berikut:-

3.2.1 JPPP di Kementerian Kewangan bagi bidang pembangunan fizikal dan bidang-bidang lain yang tidak termasuk di para 3.2.2 hingga 3.2.4 di bawah;

3.2.2 JPPP di Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri bagi bidang organisasi dan teknologi maklumat;

3.2.3 JPPP di Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri bagi kajian ekonomi dan penswastaaan; dan

3.2.4 JPPP di Jabatan Audit Negara bagi kerja-kerja audit.

3.3 Permohonan hendaklah dilengkapi dengan maklumat-maklumat berikut:-

3.3.1 terma rujukan, skop kerja, bidang serta pengkhususan perkhidmatan, latar belakang projek termasuk objektif dan faedah projek/kajian;

3.3.2 sumber dan jumlah peruntukan projek/kajian yang diluluskan;

3.3.3 anggaran kos projek/kajian;

3.3.4 anggaran kos perkhidmatan perunding jika diperolehi;

3.3.5 kategori projek sama ada projek baru, peningkatan taraf, pembesaran, pemugaran, pembaikan/baikpulih atau projek sambungan;

3.3.6 sokongan/perakuan dari Jabatan Teknik. (Selaras dengan peruntukan dibawah AP 182 & 187); dan

3.3.8 maklumat-maklumat tambahan.

#### 4. PEMILIHAN DAN PERLANTIKAN PERUNDING

4.1 Semua pemilihan dan perlantikan perunding hendaklah dikendalikan oleh JPPP yang berkenaan.

4.2 Keahlian Jawatankuasa Pemilihan dan Perlantikan Perunding adalah seperti berikut:-

a. Di Kementerian Kewangan

i) Ketua Setiausaha - Pengerusi Perbendaharaan atau Wakil

ii) Wakil Bahagian Pengurusan - Ahli Perolehan Kerajaan

iii) Wakil Unit Penyelarasan - Ahli Pelaksanaan

iv) Wakil Unit Perancang Ekonomi - Ahli

v) Wakil Kementerian Kerja Raya - Ahli

vi) Wakil Jabatan Kerja Raya - Ahli

vii) Wakil Jabatan Ukur dan - Ahli  
Pemetaan (Bagi bidang ukur  
tanah sahaja)

viii) Wakil Kementerian - Ahli  
Pertahanan (TLDM)  
(Bagi Bidang Hidrografi)

b) Di EPU

i) Ketua Pengarah/ - Pengerusi  
Timbalan Ketua Pengarah

ii) Wakil Kementerian Kewangan - Ahli  
(Bahagian Pengurusan Perolehan  
Kerajaan)

iii) Wakil Unit Penyelarasan - Ahli  
Pelaksanaan

iv) Wakil Jabatan Kerja Raya - Ahli  
(Bagi bidang-bidang yang perlu sahaja)

c) Di MAMPU

i) Ketua Pengarah/Timbalan - Pengerusi  
Ketua Pengarah

ii) Wakil Kementerian Kewangan - Ahli  
(Bahagian Pengurusan Perolehan  
Kerajaan)

iii) Wakil Unit Penyelarasan - Ahli  
Pelaksanaan

iv) Wakil INTAN - Ahli

d) Di Jabatan Audit Negara

i) Ketua Audit Negara/Timbalan - Pengerusi  
Ketua Audit Negara

ii) Wakil Kementerian Kewangan - Ahli  
(Bahagian Pengurusan Perolehan  
Kerajaan)

iii) Wakil MAMPU - Ahli

4.3 Kehadiran wakil Perbendaharaan adalah diwajibkan.

4.4 Wakil dari agensi pelaksana/agensi lain boleh dijemput  
sekiranya perlu. JPPP tidak dibenarkan menurunkan kuasa kepada  
mana-mana agensi Kerajaan yang lain.

4.5 Sekiranya ujud keputusan yang tidak sebulat suara ianya  
hendaklah dirujuk ke Perbendaharaan.

## 5. KELULUSAN PERBENDAHARAAN MALAYSIA

5.1 Tertakluk kepada pengecualian yang dinyatakan di para 8 dan 9, perlantikan perunding hendaklah mendapat kelulusan Perbendaharaan dari segi jumlah kos dan syarat-syarat perjanjian berhubung dengan perkhidmatan perunding tersebut. Kelulusan ini beserta kelulusan JPPP yang berkenaan hendaklah dijadikan sebahagian daripada perjanjian yang ditandatangani.

5.2 Jika terdapat sebarang perubahan dalam kos perunding bagi projek yang berkaitan, ianya hendaklah dirujuk semula untuk pertimbangan Perbendaharaan.

## 6. PERUBAHAN SKOP PERKHIDMATAN PERUNDING

6.1 Jika terdapat sebarang perubahan kepada skop kerja atau terma rujukan perkhidmatan perunding, agensi berkenaan hendaklah mengemukakan semula perkara tersebut kepada JPPP yang berkaitan.

## 7. LAPORAN PRESTASI PERUNDING

7.1 Semua agensi Kerajaan dikehendaki mengemukakan laporan prestasi perunding kepada Perbendaharaan dan Urusetia JPPP berkenaan mengikut jangkasama seperti berikut:-

7.1.1 sekali, apabila projek/kajian selesai dilaksanakan bagi perolehan yang memakan masa enam (6) bulan atau kurang; dan

7.1.2 tiap-tiap enam (6) bulan sekali dari tarikh perlantikan perunding sehingga tamat bagi projek yang memakan masa lebih dari enam (6) bulan.

7.2 Sebarang aduan jika ada mengenai prestasi perunding hendaklah dikemukakan segera kepada Perbendaharaan dan JPPP yang berkenaan.

7.3 Laporan terakhir mengenai kemajuan perolehan keseluruhannya serta prestasi perunding hendaklah dikemukakan kepada Perbendaharaan dan Urusetia JPPP dalam tempoh satu (1) bulan selepas sijil siap kerja dikeluarkan/projek disiapkan.

## 8. PENGECCUALIAN KHAS BAGI PEROLEHAN PERKHIDMATAN PERUNDING

8.1 Pengeccualian khas adalah diberi kepada agensi Kerajaan untuk memperolehi tanpa merujuk kepada JPPP, perkhidmatan perunding bagi bidang-bidang tertentu dengan had nilai yang ditetapkan. Di bawah pengecualian ini agensi boleh melantik sendiri mana-mana firma perunding bagi memberikan perkhidmatan yang diperlukan.

8.2 Pengeccualian khas ini adalah diberi kepada perkhidmatan perunding bagi bidang-bidang dan had nilai perolehan seperti berikut:-

### 8.2.1 Projek-Projek Pembangunan Fizikal

Bagi projek pembangunan fizikal yang kos binaannya tidak melebihi RM 2 juta atau jumlah kos keseluruhan perkhidmatan perunding keatas projek tidak melebihi RM 200,000.00.

### 8.2.2 Kerja-Kerja Ukur Tanah

Bagi kerja-kerja ukur tanah dan kerja-kerja ukur yang lain dimana kos perkhidmatan perunding tidak melebihi RM 50,000.00

### 8.2.3 Projek-Projek Bukan Fizikal

Bagi projek/kajian dimana kos perkhidmatan perunding tidak melebihi RM 50,000.00.

8.2.4 Bagi projek/kajian yang kurang jelas skop perkhidmatannya, agensi bolehlah menggunakan budi bicara untuk meletakkan projek/kajian tersebut di bawah mana-mana kategori di perenggan 8.2.1, 8.2.2 dan 8.2.3 di atas.

8.3 Kos perkhidmatan perunding adalah termasuk bayaran Yuran Perunding dan Perbelanjaan Imbuhan Balik bagi semua peringkat pelaksanaan projek, tetapi tidak termasuk bayaran Cukai Perkhidmatan.

8.4 Bagi menguruskan proses perlantikan di bawah pengecualian ini, Agensi hendaklah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Pemilihan dan Perlantikan Perunding Peringkat Agensi (JPPPA) yang mempunyai urusetia secara tetap. Jawatankuasa ini hendaklah dianggotai oleh pegawai-pegawai berikut:-

Pengerusi : Ketua Jabatan/  
Timbalan Ketua Jabatan

Ahli-Ahli : Dua (2) orang pegawai dari kumpulan Pengurusan dan Profesional.  
: Pegawai-pegawai penasihat teknikal samada dari dalam atau luar Agensi boleh juga dijemput sebagai ahli sekiranya diperlukan.

Urusetia : Agensi Pelaksana

8.5 Korum bagi JPPPA ini hendaklah seramai tiga (3) orang.

8.6 JPPPA adalah diberi kuasa untuk menimbang dan memutuskan mengenai perlantikan perunding bagi sesebuah Agensi, tertakluk kepada had nilai perolehan yang dinyatakan di para 8.2.1, 8.2.2 dan 8.2.3 di atas.

8.7 Pemilihan dan Perlantikan Perunding oleh JPPPA hendaklah dibuat secara giliran dikalangan firma-firma perunding yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan.

8.8 Agensi Kerajaan/JPPPA adalah dilarang sama sekali memecah-kecilkan satu-satu projek semata-mata untuk menggunakan pengecualian khas ini.

## 9. KELULUSAN KOS PERKHIDMATAN PERUNDING

### 9.1 Perlantikan Oleh JPPPA

9.1.1 JPPPA adalah diberi kuasa untuk meluluskan kaedah bayaran serta kos sesuatu perkhidmatan perunding, tertakluk kepada had nilai perolehan yang dinyatakan di para 8.2.1, 8.2.2 dan 8.2.3.

9.1.2 JPPPA juga boleh meluluskan tambahan kos perkhidmatan perunding yang tidak melebihi 30% daripada kos asal yang diluluskan.

## 9.2 Perlantikan Oleh JPPP

9.2.1 Bagi perlantikan perunding yang diputuskan oleh JPPP, kuasa meluluskan kos perkhidmatan perunding yang bernilai tidak melebihi RM 1 juta adalah diturunkan kepada Lembaga Perolehan Agensi. Walau bagaimanapun sebelum kos ini diluluskan oleh Lembaga Perolehan, ia hendaklah dirunding dan diperakukan oleh sebuah Jawatankuasa Rundingan Teknikal dan Kewangan yang keanggotaannya hendaklah mengandungi wakil dari agensi-agensi berikut:

Pengerusi : Agensi Pelaksana

Ahli-Ahli : Perbendaharaan Malaysia  
(Bahagian Pengurusan  
Perolehan  
Kerajaan)

: Agensi-agensi lain yang  
akan ditetapkan oleh JPPP  
berkenaan.

9.2.2 Korum bagi JPPP hendaklah seramai tiga (3) orang dan kehadiran wakil Perbendaharaan adalah diwajibkan melainkan dimaklumkan sebaliknya.

9.2.3 Lembaga Perolehan juga diberi kuasa untuk meluluskan tambahan kepada kos perkhidmatan perunding tertakluk kepada had maksima 20% dari nilai kos perkhidmatan asal yang diluluskan.

9.3 Kos perkhidmatan perunding yang bernilai melebihi had-had yang dinyatakan di para 9.1 dan 9.2 di atas hendaklah dirujuk untuk keputusan Perbendaharaan.

## 10. LAPORAN KEPADA PERBENDAHARAAN MALAYSIA

10.1 Semua perlantikan perunding hendaklah dimaklumkan kepada Perbendaharaan Malaysia, Bahagian Pengurusan Perolehan Kerajaan, dalam masa satu (1) bulan selepas perlantikan dibuat menggunakan format seperti di Lampiran B.

## 11. PEROLEHAN PERKHIDMATAN PERUNDING UNTUK AGENSI KERAJAAN DI LUAR NEGERI

11.1 Sekiranya agensi Kerajaan di luar negeri memerlukan perkhidmatan perunding, perlantikan di negara berkenaan boleh dibuat oleh Duta Besar/Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di negara tersebut. Firma perunding yang dipilih haruslah diiktiraf atau berdaftar dengan persatuan/pertubuhan/badan iktisas berkaitan di negara berkenaan.

## 12. KUATKUASA DAN PEMBATALAN

12.1 Surat Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta. Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling ini, arahan-arahan yang terkandung di dalam Surat-surat Pekeliling berikut adalah dibatalkan:-

12.1.1 Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 20/1967 bertarikh 1 Ogos 1967 - Engagement of Consultants With Particular Reference to Pre-investment Studies.

12.1.2 Surat Pekeliling Am Bil.5/1977 bertarikh 21 Mac 1977 -Jawatankuasa Pemilihan dan Perlantikan Perunding-perunding Swasta - Peraturan Perlantikan dan Pembayaran.

12.1.3 Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil.13/1978 bertarikh 4 November 1978 - Peraturan Perlantikan dan Pembayaran Perunding Juruukur Tanah.

12.1.4 Surat Pekeliling Am Bil.5/1980 bertarikh 21 Ogos 1980 -Jawatankuasa Perlantikan Perunding-perunding Pengurusan Swasta Dalam Bidang Pemodenan Pentadbiran - Peraturan, Perlantikan dan Pembayaran.

12.1.5 Pindaan ke atas Tambahan Pertama Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 13/1978 bertarikh 18 Jun 1990.

12.1.6 Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12/87 bertarikh 26 November 1987. Penggunaan Perkhidmatan Juru-perunding bagi kerja-kerja bangunan bernilai tidak melebihi RM 250,000.00 tanpa melibatkan Jabatan Kerja Raya.

## 13. PEMATUHAN

13.1 Di dalam penggunaan Surat Pekeliling ini Agensi adalah dinasihatkan supaya Arahan Perbendaharaan dan Surat-surat Pekeliling yang menggariskan peraturan perolehan Kerajaan yang lain hendaklah dipatuhi.

13.2 Sebarang kemusykilan mengenai arahan-arahan yang terkandung di dalam Surat Pekeliling ini hendaklah dirujuk kepada Perbendaharaan Malaysia (Bahagian Pengurusan Perolehan Kerajaan).

Sekian. Terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,





( DATO' DR. HJ. ABDUL AZIZ BIN MUHAMAD )  
Bahagian Pengurusan Perolehan Kerajaan,  
b.p. Ketua Setiausaha,  
Perbendaharaan Malaysia.

Bertarikh : 12 April 1995

No. Fail : S(K&B)(8.09)735/3/1-396 Jld.7(1)

s.k.

Akauntan Negara Malaysia  
Ketua Audit Negara Malaysia  
Semua YB Pegawai Kewangan Negeri  
Semua Ketua Bahagian Perbendaharaan Malaysia.

#### LAMPIRAN A

#### BIDANG-BIDANG PERKHIDMATAN PERUNDING

1. Kajian ekonomi termasuk pelaburan, kajian pasaran dan kajian kemungkinan.
2. Kajian penswastaaan
3. Pembangunan fizikal yang memerlukan input seperti:-
  - Kajian Pelan Induk, Senibina, kejuruteraan, ukur bahan, perancang bandar dan desa, seni taman, hiasan dalaman, akuistik, pengurusan projek, kajian alam sekitar dan perkhidmatan-perkhidmatan teknikal yang berkaitan dengan projek-projek kejuruteraan dan pembinaan.
  - ukur tanah dan kerja-kerja ukur yang lain seperti "hidrography", "aerial fotography", "remote sensing" dan lain-lain.
4. Pengurusan seperti pengurusan sumber manusia, pengurusan kewangan dan perakaunan, percukaian, organisasi, teknologi maklumat, logistik dan bidang-bidang pengurusan lain.
5. Perkhidmatan penilaian dan pengurusan hartanah.
6. Perundangan.
7. Perkhidmatan pakar dalam bidang yang khusus seperti sains dan

teknologi, pertanian, keselamatan dan sebagainya.

#### LAMPIRAN B

**BORANG MAKLUMAN MENGENAI PERLANTIKAN PERUNDING**  
(Dikemukakan kepada Kementerian Kewangan  
dalam tempoh 1 bulan selepas perlantikan  
oleh JPPA/JPPPA)

1. NAMA AGENSI :

2. TARIKH MESYUARAT JPPA/JPPA:

3. PROJEK :

##### 3.1 Butir-Butir Projek

1.1	Nama Projek
1.2	Lokasi
1.3	Anggaran Kos Projek
1.4	Tempoh Projek
1.5	Sumber Pembiayaan

##### 3.2 Peringkat Pelaksanaan Projek

a) Kajian	c) Penyeliaan
b) Rekabentuk	d) Lain-lain (nyatakan)

#### 4. PERKHIDMATAN PERUNDING

Nama & Alamat	No. Pendaftaran	Bidang	Kos
Firma Perunding	Dengan Kementerian	Perkhidmatan	Perkhidmatan
Kewangan	@	Perunding	

@ Bidang Perkhidmatan seperti Arkitek, Kejuruteraan (C&S),  
Pengurusan Kewangan, Kajian Ekonomi dsb. Satu salinan TOR skop  
kerja hendaklah disertakan.

NAMA PEGAWAI/TANDATANGAN : .....